

Dr. M: Jangan perkauman soal pendidikan

KUALA LUMPUR 22 Mac— Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan rakyat Malaysia supaya tidak bersifat perkauman mahupun kebangsaan yang keterlaluan dalam soal pendidikan hingga tidak mahu mempelajari sesuatu ilmu hanya kerana ia diajar dalam bahasa asing.

Tegas beliau, sebagai contoh ketika mahu melaksanakan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris sedikit masa dulu ramai yang menyuarakan bantahan sedangkan ia dilaksanakan demi kebaikan negara.

Katanya, perkembangan terkini menyaksikan semakin banyak negara termasuk di China mula mewajibkan pengajaran bahasa Inggeris di peringkat sekolah kerana ia bahasa ilmu dunia hari ini.

“Identiti bangsa termasuk bahasa ibunda tidak hilang hanya kerana kita belajar dalam bahasa Inggeris atau bahasa asing tetapi jika kita masih terus menebal dengan perkauman, kita akan terus tertinggal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan kempen Pembelajaran Abakus dan Arithmatik Mental anjuran Persatuan Persahabatan Malaysia-China (PPMC) dan Badan Perhubungan MCA Wilayah Persekutuan di sini malam ini.